

# PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA MELAYU KANAK-KANAK PRASEKOLAH

*Abdul Rashid Jamian*

## **Abstrak**

Dalam kajian mengenai penguasaan sintaksis bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah, seramai 48 kanak-kanak telah diuji. Hasil kajian menunjukkan min panjang ujaran ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak di bandar ialah 4.85 perkataan bagi ayat penyata, 4.41 perkataan bagi ayat tanya, 4.18 perkataan bagi ayat seruan dan 4.19 perkataan bagi ayat perintah. Min panjang ujaran kanak-kanak luar bandar pula ialah 4.40 perkataan bagi ayat penyata, 4.19 perkataan bagi ayat tanya, 4.72 perkataan bagi ayat seruan, dan 4.29 perkataan bagi ayat perintah. Mengenai penghasilan binaan ayat pula, dapatkan menunjukkan kebanyakan kanak-kanak menghasilkan ayat yang berstrukturkan frasa nama + frasa kerja dan frasa nama + frasa adjektif.

## *Abstract*

*In a research on mastery of syntax among the preschool children, a total number of 48 children were tested. The result showed that the mean length of utterance for sentences produced by the urban children were 4.85 words for statements, 4.41 words for questions, 4.18 words for exclamations and 4.19 words for imperatives. On the other hand, the mean length of utterance by rural children were 4.40 words for statements, 4.19 words for questions, 4.72 words for exclamations and 4.29 words for imperatives. It was also found that most of the children were able to construct sentences with noun phrase + verb phrase and noun phrase + adjective phrase structures.*

## PENDAHULUAN

Bahasa merupakan satu sistem yang unik dan melibatkan proses kognitif. Bahasa juga merupakan wadah untuk menyampaikan mesej kepada individu lain yang difahami dan mempunyai makna. Dalam usaha menguasai dan memperkasakan bahasa Melayu, kita harus melihatnya dari peringkat awal lagi iaitu, dari peringkat perkembangan dan pemerolehan bahasa itu sendiri. Penguasaan ayat hanya bermula apabila kanak-kanak berupaya menggabungkan dua kata atau lebih. Dengan kata lain, peringkat satu kata atau yang sering disebut peringkat holofrasa tidak dianggap titik permulaan pemerolehan ayat (sintaksis). Hal ini seajar dengan pendapat Awang Mohd. Amin (1979), bahawa umur kanak-kanak antara satu hingga lima tahun merupakan waktu penguasaan bahasa yang paling kritikal.

Dalam jangka masa kritikal ini, kanak-kanak sangat mudah menerima pengaruh bahasa pertama atau bahasa ibunda yang didedahkan kepadanya, iaitu bahasa yang diamalkan atau yang didedahkan kepada kanak-kanak sejak mereka dilahirkan. Bahasa Melayu merupakan bahasa pertama bagi orang Melayu manakala bahasa Cina bahasa pertama bagi orang Cina dan sebagainya. Oleh yang demikian bahasa pertama pada dasarnya dapat dikuasai oleh seseorang tanpa melalui proses pembelajaran secara formal.

Kanak-kanak akan terus belajar bahasa pertama walaupun berada di dalam persekolahan, di peringkat sekolah rendah atau menengah. Namun dari segi keterampilan berbahasa, kanak-kanak akan belajar bahasa pertama terus-menerus sepanjang hayatnya. Justeru, pemerolehan bahasa pertama dianggap pembelajaran bahasa.

Menurut Atan Long (1978), kanak-kanak yang mempelajari bahasa pertama akan mengalami dua peringkat penguasaan bahasa seperti yang berikut:

1. Bahasa pertama pada masa kecil. Pada peringkat ini pertuturan kanak-kanak merupakan kegunaan yang dihalakan kepada diri sendiri dan bukannya untuk perhubungan masyarakat. Keadaan ini berterusan sehingga kanak-kanak itu berumur empat tahun.
2. Bahasa pertama yang dipelajari setelah bersekolah. Ini membolehkan kanak-kanak bertutur dengan ahli masyarakat dan juga ibu bapa dengan cara yang lebih baik dan berkesan.

Menurut Mangantar Simanjuntak (1987), bahasa sebagai satu sistem biologi yang wujud pada sistem kognitif manusia dan pemerolehan bahasa ialah proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak sewaktu

memperoleh bahasa ibundanya. Proses ini terdiri daripada dua jenis. Pertama ialah perlakuan yang terdiri daripada proses pemahaman dan proses pemerhatian. Kedua ialah kecekapan.

Perlakuan merujuk kepada mengamati, memahami dan seterusnya menerbitkan ayat yang telah didedahkan kepada seseorang. Aktiviti ini akan membentuk kebolehan linguistik dalam kalangan kanak-kanak tersebut. Menurut Mangantar Simanjuntak (1987), kecekapan pula bermaksud pengetahuan tatabahasa yang dikuasai secara tidak sedar yang mungkin diperoleh pada masa seseorang itu mengamati atau memahami bahasa yang didedahkan kepadanya. Hal ini bermakna pemerolehan bahasa adalah proses penemuan tatabahasa ibunda bagi seseorang kanak-kanak.

Dalam proses pemerolehan bahasa pertama, seseorang kanak-kanak akan belajar semua konsep yang diperlukan untuk berkomunikasi dengan ibu bapa, rakan dan ahli masyarakat sekelilingnya. Bahasa pertama menjadi salah satu alat untuk mengungkap perasaan, keinginan, pendirian dan sebagainya yakni dalam bentuk bahasa yang dianggap wajar. Kanak-kanak juga mengetahui bahawa ada bentuk bahasa yang tidak dapat diterima oleh anggota masyarakatnya dan tidak selalu boleh mengungkapkan perasaan dengan sewenang-wenangnya.

Juriyah Long (1993), mengatakan bahawa keupayaan berbahasa merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam perkembangan kanak-kanak. Melalui pertuturan, kanak-kanak dapat meluahkan perasaan dan pendapat mereka kepada orang lain tanpa batasan. Proses pendidikan secara tidak formal ini lebih berkesan terutamnya kepada kanak-kanak pada peringkat prasekolah. Walaupun sebahagian besar masa digunakan untuk bermain namun pemilihan jenis permainan mampu mendorong mereka untuk berinteraksi, berfikir, merangsang naluri ingin tahu, memupuk daya kreativiti, dan berdisiplin.

Masalah penguasaan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dalam bahasa Melayu sememangnya mempunyai hubungan langsung dengan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak itu sendiri. Ada berbagai-bagai pendapat yang berkaitan dengan proses pemerolehan bahasa kanak-kanak. Sesetengah golongan cenderung mengatakan bahawa kanak-kanak dapat berbahasa menerusi rangsangan dan gerak balas, manakala yang lain pula berpendapat pemerolehan bahasa kanak-kanak bersifat nurani atau semula jadi.

## PENDIDIKAN PRASEKOLAH

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam

dunia persekolahan kanak-kanak. Pengalaman prasekolah dan pemelajaran yang berkesan, bermakna dan menggembirakan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat.

Peluang pendidikan prasekolah diberi kepada semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal serta perkembangan intelek mereka. Program pendidikan prasekolah hendaklah sesuai dengan tahap perkembangan keseluruhan kanak-kanak itu supaya dapat merangsang pemikiran, membina sikap positif, akhlak yang mulia, meningkatkan kecerdasan dan kesihatan ke arah penyuburan potensi yang optimum. Oleh itu, kurikulum pendidikan prasekolah memberi fokus kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Pendekatan pengajaran dan pemelajaran yang fleksibel dalam suasana pemelajaran yang selesa, selamat dan ceria dapat menggalakkan naluri ingin tahu, suka meneroka dan menjelajah serta memberi pengalaman baru kepada kanak-kanak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Asas yang dibina dalam diri kanak-kanak ini akan menyumbangkan sesuatu kepada kesejahteraan diri mereka sendiri, kemajuan keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Sehubungan itu, perancangan dan penggubalan Kurikulum Pendidikan Prasekolah berlandaskan prinsip Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mendorong matlamat dan wawasan negara. Perancangan dan penggubalan kurikulum juga mengambil kira pelbagai aspek yang perlu dibentuk dalam diri kanak-kanak. Pandangan dan falsafah serta teori pendidikan awal kanak-kanak, psikologi dan perkembangan kanak-kanak serta aliran pemelajaran terkini merupakan keperluan kanak-kanak pada masa kini.

Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan ke sekolah rendah. Justeru, Pusat Perkembangan Kurikulum telah menggariskan objektif yang perlu dipenuhi oleh pihak yang berkaitan.

Objektif pendidikan prasekolah menunjukkan betapa pentingnya komponen komunikasi dalam usaha memenuhi keperluan kanak-kanak prasekolah. Potensi diri dan keupayaan kanak-kanak ini akan diperkembangkan dengan cara kesepadan dan keselarasan dalam pelbagai aspek, iaitu aspek kognitif, kerohanian dan moral, fizikal dan psikomotor, sosioemosi dan kreativiti kanak-kanak tersebut.

Masalah komunikasi kanak-kanak dalam bentuk lisan dengan perkembangan bahasa dan cara bersosial adalah ketara. Pendidikan sering kali

dapat melihat bahawa perbezaan personaliti dalam kalangan kanak-kanak selalunya dipengaruhi oleh keupayaan mereka berkomunikasi. Oleh itu, cara kanak-kanak berkomunikasi harus diberi perhatian yang serius selari dengan perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak itu.

Perubahan sistem pendidikan dan kehendak masyarakat semasa menyebabkan guru lebih memberi perhatian kepada kanak-kanak yang mampu berfikir, bertutur dengan baik dan cerdas. Berdasarkanuraian di atas, jelas terdapat beberapa perkara yang menyebabkan perlunya dilakukan kajian yang lebih meluas tentang perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk melihat tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu dalam kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar.

Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penguasaan sintaksis bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar dari segi kebolehan menghasilkan jenis ayat bahasa Melayu. Kedua untuk mengenal pasti binaan pola ayat bahasa Melayu yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar.

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk menentukan sejauh manakah keupayaan kanak-kanak prasekolah menghasilkan ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, ayat perintah, dan jenis ayat bahasa Melayu yang paling kerap dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah semasa berkomunikasi.

## BATASAN KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk mengkaji penguasaan sintaksis bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah. Kajian ini melibatkan kanak-kanak prasekolah di daerah Ampang, Selangor. Kanak-kanak ini berumur antara lima hingga enam tahun. Tabika yang terlibat ialah Tabika Dato' Ahmad Razali, sebuah tabika di bandar dan Tabika Kampung Tasik Tambahan di luar bandar. Untuk membuat kajian penguasaan sintaksis bahasa Melayu, pengkaji memilih 25 kanak-kanak di tabika di bandar dan 23 kanak-kanak di luar bandar.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada kanak-kanak prasekolah daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, persekitaran, dan juga latar belakang keluarga. Oleh itu, dapatkan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan

kepada kumpulan yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan persampelan. Selain itu, kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif deskriptif. Walaupun kajian ini menggunakan bilangan sampel yang kecil, tetapi dapatan kajian ini boleh dijadikan petunjuk tentang penguasaan sintaksis bahasa Melayu dari aspek jenis ayat dasar bahasa Melayu iaitu, ayat pernyata, ayat perintah, ayat tanya, dan ayat seruan serta kekerapan penghasilan ayat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Malaysia secara umum.

Memandangkan keseluruhan kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang penguasaan sintaksis bahasa Melayu kanak-kanak, maka kajian yang akan dijalankan dibuat mengikut situasi interaksi tanpa campur tangan dari pengkaji. Kaedah pemerhatian dan kaedah analisis kandungan yang dijalankan berbentuk jangka masa yang pendek dan bukannya mengambil masa yang panjang.

## **REKA BENTUK KAJIAN**

Dalam usaha pengkaji mendapatkan maklumat tentang penguasaan sintaksis bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah di daerah Ampang, Selangor, reka bentuk kajian yang digunakan ialah secara tinjauan dan temu bual.

Kajian ini merupakan satu tinjauan yang menggunakan soal selidik dan temu bual dengan menggunakan gambar sebagai alat rangsangan. Mengikut Tuckman (1972), kaedah tinjauan merupakan kaedah yang sering dilakukan dalam penyelidikan khususnya dalam kajian di sekolah. Walau bagaimanapun, menurut Trow (1967), pengkaji harus berhati-hati kerana kesilapan dan ketidaksesuaian kajian tinjauan timbul dalam banyak peringkat yakni dari peringkat pemilihan masalah kajian, pemilihan sampel, bentuk soalan kajian, dan analisis data. Menurut Mohd. Majid Konting (1990), kaedah penyelidikan merujuk kepada bagaimana kita mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan dengan menggunakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat yang berguna dengan kos yang minimum.

## **PENDEKATAN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif adalah penghuraian tentang penguasaan sintaksis bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar. Data kuantitatif pula, merangkumi pengiraan berdasarkan taburan frekuensi dan min panjang

ujaran (MPU). MPU digunakan untuk menganalisis ayat sebagai kaedah bagi menentukan perkembangan sintaksis yang terdapat dalam penaksiran MPU Brown (1973).

## ALAT KAJIAN

Alat yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik, soalan temu bual, gambar rangsangan, borang jadual binaan sintaksis, rakaman, dan transkripsi.

## DAPATAN KAJIAN

### Jenis Ayat Kanak-kanak Prasekolah

Daripada kajian yang telah dijalankan didapati penghasilan jenis ayat bahasa Melayu berbeza mengikut tempat tinggal dan juga tahap sosioekonomi keluarga kanak-kanak prasekolah yang dikaji.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua keping gambar dan meminta kanak-kanak secara berpasangan bercerita dan berinteraksi apa sahaja tentang gambar yang diberikan, sambil itu pengkaji juga meminta kanak-kanak melakukan aktiviti mewarna untuk gambar yang sama. Dengan aktiviti mewarna dapatlah kanak-kanak tersebut melakukan sesuatu aktiviti sambil bercerita. Masa yang diperuntukkan ialah selama lebih kurang 40 minit bagi setiap pasangan.

Pada peringkat ini, kanak-kanak menggunakan bahasa secara spontan untuk bercerita dan membincangkan perkara yang pernah dialami oleh mereka. Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati penguasaan jenis ayat bahasa Melayu berbeza antara satu aktiviti dengan aktiviti yang lain. Kanak-kanak prasekolah berkebolehan menghasilkan pelbagai jenis ayat apabila aktiviti yang ditempuhi itu menarik dan mencabar perasaan ingin tahu mereka.

Aktiviti mewarna merupakan antara aktiviti yang digemari oleh kanak-kanak prasekolah. Dalam aktiviti ini kanak-kanak perlu memberikan penumpuan penuh terhadap apa yang dilakukan. Namun begitu, dalam aktiviti mewarna sebahagian besar kanak-kanak lebih suka melahirkan sesuatu berdasarkan apa yang dilihat atau diamati oleh mereka melalui pancaindera dan bertanya tentang sesuatu perkara berbanding dengan hanya melihat gambar sahaja.

Daripada kajian yang dijalankan secara rakaman, penghasilan ayat berdasarkan tempat tinggal, dapatkan menunjukkan bahawa kanak-kanak di bandar dapat menghasilkan sebanyak 467 ayat, manakala kanak-kanak luar

bandar sebanyak 330 ayat.

Dapatkan transkripsi menunjukkan kepelbagaiannya jenis ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, dan ayat perintah. Berdasarkan Jadual 1, dapat menunjukkan kanak-kanak bandar berjaya menghasilkan ayat penyata (51.2%), ayat tanya (30.4%), ayat seruan (9.4%), dan ayat perintah (9.0%). Bagi kanak-kanak luar bandar pula, ayat penyata (57.5%), ayat tanya (19.1%), ayat seruan (15.2%), dan ayat perintah (8.2%).

**Jadual 1 Penghasilan ayat mengikut tempat tinggal kanak-kanak.**

<b>Jenis Ayat</b>	<b>Bandar</b>		<b>Luar Bandar</b>	
	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Ayat Penyata	239	51.2	190	57.5
Ayat Tanya	142	30.4	63	19.1
Ayat Seruan	44	9.4	50	15.2
Ayat Perintah	42	9.0	27	8.2
<b>Jumlah</b>	<b>467</b>	<b>100</b>	<b>330</b>	<b>100</b>

Daripada kajian yang dijalankan didapati aktiviti melihat gambar sambil mewarna merupakan aktiviti yang paling banyak mencetuskan ayat jenis pertanyaan dari kanak-kanak dan kemudian disusuli dengan ayat penyataan bagi menjawab pertanyaan yang diusulkan. Ayat perintah dan ayat seruan dihasilkan sebagai satu proses tindak balas terhadap apa yang dialami dan disaksikan oleh mereka. Kedua-dua jenis ayat ini diungkap secara spontan.

Kecenderungan kanak-kanak menghasilkan ayat penyata dan diikuti ayat tanya menunjukkan tahap penguasaan bahasa yang selari dengan peringkat usia dan perkembangan diri kanak-kanak yang berusia 5 tahun ke atas. Pada peringkat ini kanak-kanak menggunakan bahasa untuk bercerita dan berbincang mengenai pengalaman masing-masing. Pada masa yang sama, kanak-kanak pada peringkat ini amat suka bertanyakan tentang sesuatu yang ada di sekitar pengalaman mereka tentang bahasa .

Berdasarkan ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah, pengkaji membuat analisis ayat berdasarkan min panjang ujaran (MPU) bagi setiap jenis ayat mengikut tempat tinggal kanak-kanak tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa bagi kanak-kanak prasekolah di bandar, min

**Jadual 2** Min panjang ujaran jenis ayat kanak-kanak bandar.

Jenis Ayat	Min Panjang Ujaran
Ayat Penyata	4.85
Ayat Tanya	4.41
Ayat Seruan	4.18
Ayat Perintah	4.19

panjang ujaran ayat penyata (4.85), ayat tanya (4.41), ayat seruan (4.18), dan ayat perintah (4.19) (lihat Jadual 2).

Bagi ujaran ayat kanak-kanak luar bandar, dapatkan MPU menunjukkan ayat penyata (4.40), ayat tanya (4.19), ayat seruan (4.72) dan ayat perintah (4.29) (lihat Jadual 3).

**Jadual 3** Min panjang ujaran jenis ayat kanak-kanak luar bandar.

Jenis Ayat	Min Panjang Ujaran
Ayat Penyata	4.40
Ayat Tanya	4.19
Ayat Seruan	4.72
Ayat Perintah	4.29

Perbezaan MPU ayat penyata dengan ayat perintah antara kanak-kanak prasekolah di bandar dengan luar bandar tidak begitu ketara, kecuali dalam hal ayat tanya dengan ayat seruan, terdapat sedikit perbezaan yang agak ketara.

### Pola Ayat Kanak-kanak Prasekolah

Binaan ayat ditentukan oleh cara dan susunan unsur dan konstituen yang dibentuk. Menurut Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1993), ayat dasar ialah ayat yang menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain. Dalam bahasa Melayu, pola ayat dasar boleh dibahagikan kepada empat jenis, dengan berpandukan pada jenis unsur yang hadir sebagai konstituen ayat iaitu, subjek dan predikatnya. Konstituen subjek pada umumnya diisi oleh frasa nama, sementara konstituen predikat pula diisi oleh empat jenis unsur yang berbeza iaitu, frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.

## Pola Ayat Dasar

Daripada kajian yang dijalankan, didapati kanak-kanak prasekolah di bandar dapat menghasilkan sebanyak 422 (90.36%) ayat dasar. Manakala kanak-kanak prasekolah luar bandar pula, dapat menghasilkan 309 (93.63%) ayat dasar. Daripada sejumlah ayat kanak-kanak prasekolah ini, pengkaji telah mengelaskannya mengikut empat pola ayat dasar dalam bahasa Melayu. Beberapa contoh ayat dasar yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah adalah seperti yang berikut:

Pola ayat dasar: Frasa Nama + Frasa Nama  
(Kanak-kanak Prasekolah Bandar)

1. Nama kucing aku Tompok.  
[namə kucəŋ aku θompo?]
2. Kat rumah aku banyak kucing hitam.  
[kat yumah aku banya? kucəŋ itam]
3. Dia macam wau aje.  
[diə mñacam wau aje]

(Kanak-kanak Prasekolah Luar Bandar)

1. Ini wau.  
[ini wau]
2. Itu pokok tebulah.  
[itu poko? təbulah]
3. Itu kucing.  
[itu kucəŋ]

Pola ayat dasar: Frasa Nama + Frasa Kerja  
(Kanak-kanak Prasekolah Bandar)

1. Kucing mana boleh berenang.  
[kucəŋ mñana boləh bərənang]
2. Dia nak warna cantik-cantik.  
[diə na? warnə canti?-canti?]
3. Siti main layang-layang.  
[siti maən layaŋlayaŋ]

(Kanak-kanak Prasekolah Luar Bandar)

1. Kucing minum.  
[kucəŋ mñimum]

2. Dia pakai kain saja.  
[diə pakai kaiə sayə]
3. Aku nak beli layang-layang.  
[aku na? bəli layaŋ-layaŋ]

Pola ayat dasar: Frasa Nama + Frasa Adjektif  
(Kanak-kanak Prasekolah Bandar)

1. Kalau kucing cantik lagi baguskan.  
[kalau kucəŋ canti? lagi baguskan]
2. Yelah memang pokok warna hijau pun.  
[yelah məməŋ poko? warnə iŋau pun]
3. Layang-layang kau tu buruk.  
[layaŋ-layaŋ kau tu buŋu?]

(Kanak-kanak Prasekolah Luar Bandar)

1. Layang-layang ni besarlah.  
[layaŋ-layaŋ ni bəsarlah]
2. Pagar dia cantiknya.  
[pagar diə canti?nya]
3. Rumput panjang sangat.  
[yumput panyan saŋat]

Pola ayat dasar: Frasa Nama + Frasa Sendi nama  
(Kanak-kanak Prasekolah Bandar)

1. Kampung awak dekat mana?  
[kampung awa? dekət manəə?]
2. Main kat rumah lagi bagus.  
[maən kat yumah lagi bagus]
3. Dia dukung kat belakang bawak beg.  
[diə dukuŋ kat bəlakəŋ bawa? be?]

(Kanak-kanak Prasekolah Luar Bandar)

1. Dia buat daripada apa?  
[dia buat daripadə apa?]
2. Bagi kat kucing makanan.  
[bagi kat kucəŋ məakanan]
3. Kucing boleh dekat air.  
[kucəŋ boləh dəkat ayər]

Berdasarkan pola ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah dapatlah dikatakan bahawa kanak-kanak berupaya menguasai ayat bahasa Melayu berdasarkan hubungan makna dengan konteks situasi yang tertentu. Jika dilihat dari segi pola ayat frasa nama dan frasa sendi nama, jelas menunjukkan kanak-kanak tidak menguasai sendi nama yang tepat. Hal ini dapat dilihat dengan penggunaan perkataan *kat* dan *dekat* untuk penggunaan sebenarnya ialah *di*. Namun begitu, kanak-kanak masih berupaya menghasilkan ayat yang berstruktur dan bermakna.

## KESIMPULAN

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam proses pemerolehan dan penguasaan sintaksis kanak-kanak. Ibu bapa merupakan orang yang paling akrab dengan kanak-kanak, maka pengaruh mereka terhadap anak tentulah mendalam. Menurut Mangantar Simanjuntak (1982), ibu bapa merupakan satu pragmatik kepada anak-anak mereka. Yang dimaksudkan dengan pragmatik ialah persekitaran atau konteks ucapan yang diterbitkan dalam sesuatu komunikasi. Tanpa pragmatik yang cukup, tidak mungkin sesuatu erti diperoleh oleh anak-anak. Oleh itu, ibu bapa hendaklah menggunakan bahasa yang baik apabila berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Awang Mohd. Amin (1979) menegaskan jika bahasa yang diperdengarkan kepada kanak-kanak kurang baik mutunya maka kesannya kepada kanak-kanak amat buruk.

Sehubungan itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa kanak-kanak. Kesediaan mereka membeli buku, bercerita, menyediakan persekitaran bahasa yang sihat dan memberi pendedahan dan rangsangan turut membantu peningkatan penguasaan sintaksis dalam kalangan kanak-kanak.

Kesedaran ibu bapa terhadap pentingnya pendidikan menyebabkan ramai ibu bapa yang menghantar anak mereka ke kelas tabika atau tadika yang disediakan oleh kerajaan atau agensi swasta sebagai persediaan menghadapi alam persekolahan pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, faktor tempat tinggal dan faktor budaya didapati mempengaruhi penguasaan sintaksis kebanyakan kanak-kanak. Melalui pergaulan, dapatlah kanak-kanak memperoleh dorongan untuk berbahasa dan bersedia pula bekerjasama untuk menjayakan komunikasi.

## RUJUKAN

- Atan Long, 1978. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Awang Mohd. Amin, 1979. "Beberapa Isu tentang Pemerolehan Bahasa: Tinjauan

PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA MELAYU KANAK-KANAK PRASEKOLAH

- dari sudut Pengajaran-pembelajaran Bahasa Pertama. *Dewan Bahasa*". 23(11). hlm 671–682.
- Brown, R., 1973. *A First Language. The Early Stages*. London: Allens and Unwin.
- Juriah Long, (1993). *Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya terhadap Pendidikan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002. *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mangantar Simanjuntak, 1982. *Aspek Bahasa dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Saujana Enterprise.
- Mangantar Simanjuntak, 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting, 1990. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 1993. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trow, M. 1967. *Education and Survey Research: Survey Research in the Social Sciences*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Tuckman, B.W. 1972. *Conducting Educational Research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.